

Pemikiran Pengarang dalam Novel *Jeriji Kasih* Karya Ramlah Abdul Rashid

SITI KHARIAH MOHD ZUBIR¹
NOROL NIZAM BIN SARKAWI

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Pendidikan Sultan Idris, 35900 Tanjung Malim, Perak

¹khariah@fbk.upsi.edu.my

Abstrak Kajian ini tertumpu kepada pemikiran yang digarap oleh Ramlah Abdul Rashid sama ada secara langsung daripada diri pengarang sendiri mahupun melalui watak-watak yang terdapat dalam novel *Jeriji Kasih*. Kajian ini menggunakan sebuah teori tempatan, iaitu Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan berteraskan falsafah kesepaduan pemikiran. Kajian ini juga bertujuan untuk melihat kesepaduan pemikiran yang digarap oleh pengarang, melihat keseimbangan empat aspek pemikiran, iaitu pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan serta mengenal pasti pemikiran pengarang yang berhubung kait dengan masyarakat, karya dan pembaca. Berdasarkan teori ini, pengkajian menjadi lebih mudah kerana setiap aspek pemikiran dapat dikenal pasti dan dihuraikan dengan terperinci. Selain itu, penggunaan teori ini sesuai untuk mengkaji kesepaduan dan keseimbangan nilai yang perlu ada pada diri seseorang manusia. Pengkajian ini juga diharapkan dapat membantu pembaca untuk mengetahui dan mengenal pasti pemikiran yang digarap oleh pengarang dalam novel ini.

Kata Kunci: pemikiran, kerohanian, kebitaraan, kesaintifikan, kekreatifan

Abstract This study focuses on the thoughts of the author as contemplated in her novel both from her own perspectives as the author or through characters conjured in her work. This study employs a local theory called Integrated Thinking Theoretical System 4K (SPB4K) as formulated by Mohd Yusof Hasan. Basically, the theory is based on the philosophy of integrated thoughts. This study looks at the integrated thoughts of the writer as well as the four aspects of thinking, namely, spiritual, elevated, scientific and creative thoughts. It also strives to identify the author's contemplative considerations in relation to society, writings and the reader. This theory allows for more practical

research as it is easier to identify and analyse the detailed aspects of the writer's thoughts. In addition, the theory is suitable as a hypothetical construct to analyse the integrated and balanced values accepted in an individual. It is hoped that this study can assist the reader in recognizing and identifying contemplative thoughts as articulated by the writer in her novel.

Keywords: *thoughts, spiritual, elevated thoughts, scientific, creativity*

PENGENALAN

Ramai di kalangan pembaca novel tidak mengutamakan aspek penghayatan tetapi keseronokan. Keadaan ini menyebabkan pembaca tidak memahami dan mengetahui aspek pemikiran yang hendak diketengahkan oleh pengarang dalam sesebuah novel. Apa yang sering kali dilakukan oleh pembaca ialah menumpukan plot cerita atau jalinan cerita daripada pemikiran pengarang. Pembaca lebih tertarik untuk mengetahui konflik yang berlaku pada watak, mengetahui jalan penyelesaian terhadap konflik yang timbul serta ingin mengetahui kesudahan yang membawa kepada pengakhiran sesebuah cerita. Keadaan ini menyebabkan pembaca tidak dapat mengungkapkan pemikiran-pemikiran yang hendak disampaikan oleh pengarang dalam karya mereka.

Sebuah karya kreatif merupakan sebuah wadah yang digunakan oleh pengarang untuk menyalurkan pendapat dan pemikirannya kepada masyarakat. Pemikiran dan pendapat tersebut disampaikan melalui peranan watak sehingga membawa kepada perkembangan sebuah cerita yang dihasilkan dengan pelbagai teknik naratif. Namun begitu, pemikiran pengarang tidak semestinya dapat difahami dan ditangani oleh pembaca. Penggunaan teknik penceritaan yang terlalu kompleks seperti penggunaan teknik imbas muka dan imbas kembali yang kerap, serta penggunaan gaya bahasa yang rumit boleh menyebabkan pembaca tersasar daripada landasan atau fokus sebenar yang hendak dicapai dalam sesebuah cerita. Hal ini menyebabkan pembaca sukar untuk memahami cerita dan tidak dapat mengungkapkan pemikiran sebenar pengarang dalam sebuah karya kreatif.

Kekuatan sesebuah novel tidak hanya terjelma dalam diri pengarang, tetapi juga bergantung kepada sejauh mana novel itu dimanfaatkan sebagai bahan memperkembangkan dan memperkasakan ilmu pengetahuan di samping usaha untuk pembangunan modal insan. Novel sebenarnya

boleh dijadikan sebagai satu gagasan pendidikan kerana novel banyak memperlihatkan pemikiran pengarang yang peka terhadap citra kehidupan masyarakat dan berusaha untuk memperbaiki taraf kehidupan masyarakat. Oleh hal yang demikian, pembaca atau masyarakat seharusnya lebih peka dengan pemikiran yang diilhamkan oleh pengarang melalui novel-novel yang terhasil. Dengan adanya penumpuan terhadap aspek ini, pembangunan modal insan dapat dilaksanakan dengan mudah. Kajian ini akan mengenal pasti pemikiran pengarang yang berhubung kait dengan masyarakat, karya dan pembaca melalui analisis novel *Jeriji Kasih*.

KAEDAH KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah kepustakaan dan bersifat kualitatif. Kaedah kepustakaan digunakan untuk mendapatkan maklumat yang sesuai serta diperlukan melalui buku, jurnal, kertas kerja, majalah, rencana, makalah, akhbar, penulisan ilmiah dan tesis. Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K) akan digunakan untuk mengkaji teks *Jeriji Kasih*.

TEORI PEMIKIRAN SPB4K

Teori Sistem Pemikiran Bersepadu pada awalnya dikenali sebagai teori SPB4L diperkenalkan oleh Mohd Yusuf Hasan, seorang tokoh pemikir dan sarjana dari Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI). Sistem pemikiran 4K merangkumi pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan yang sebelum ini dikenali sebagai pemikiran luhur untuk pemikiran kerohanian, pemikiran lahir untuk pemikiran kebitaraan, pemikiran logik untuk pemikiran kesaintifikan dan pemikiran lateral untuk pemikiran kekreatifan.

Keempat-empat pemikiran ini mengutamakan amalan secara bersepadu. Mengikut Mohd Yusof Hasan (2007:1–33), pemikiran merupakan satu kegiatan dan proses penggunaan akal manusia untuk pelbagai motif dalam kehidupan. Kepentingan pemikiran adalah untuk mengenali Tuhan dalam kehidupan bagi menyelesaikan masalah serta dapat membuat keputusan demi kesejahteraan dan kebahagiaan hidup manusia. Keempat-empat pemikiran dalam Teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K menitikberatkan empat jenis pemikiran yang berlainan. Namun, ia saling memerlukan secara bersepadu.


Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang suci murni, tinggi darjat, kudus sifatnya dan syahdu martabatnya. Ia berkaitan dengan unsur keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Pemikiran ini juga menggambarkan falsafah dan kepercayaan manusia serta turut dianggap sebagai pemikiran keimanan. Dalam agama Islam, pemikiran kerohanian melihat hubungan dan komunikasi manusia secara vertikal, iaitu manusia sebagai hamba sekali gus sebagai khalifah yang berhubungan terus dengan Allah. Manakala, hubungan manusia secara horizontal pula melibatkan hubungan manusia sesama manusia dan alam.

Mohd Yusof Hasan (2007:15) menyatakan pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kegemilangan, kebestarian dan kepandaian. Pemikiran ini khusus untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Dalam agama Islam, ia mementingkan asas kekeluargaan yang bermula daripada perkahwinan manusia, hubungan suami isteri, mengandung, penjagaan pendidikan asas semasa bayi dan pendidikan kanak-kanak. Oleh hal yang demikian, penggunaan pemikiran kebitaraan dalam karya sastera adalah untuk memperlihatkan dan menampilkan watak-watak yang berilmu pengetahuan, berketerampilan, berakhlak mulia dan bertanggungjawab supaya watak-watak yang terdapat dalam sesebuah karya dapat ditonjolkan dari segi peranannya dalam menyelesaikan sesuatu konflik dan menjadi tauladan kepada pembaca.

Pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran yang bersifat logik dan saintifik yang membawa kepada kebenaran, kepastian, ketepatan dan kegunaan fakta dan angka. Dalam komunikasi sehari-hari antara manusia dalam penulisan dan pembacaan, pertuturan dan pendengaran, manusia perlu menggunakan ilmu logik. Logik ialah proses penaakulan yang membawa kepada keputusan seperti idea, fakta atau keputusan. Ilmu logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Oleh itu, melalui penghasilan sesebuah karya yang berteraskan pemikiran kesaintifikan, sesebuah karya haruslah mengemukakan latar belakang yang sebenar atau benar-benar wujud, menggunakan latar tempat yang bersesuaian seperti tempat-tempat yang indah dan permai, suasana yang aman, latar masa yang bersesuaian dengan peredaran zaman dan peristiwa yang benar-benar berlaku dalam kehidupan (Mohd Yusof Hasan, 2007:10).

Pemikiran kekreatifan pula merujuk kepada pemikiran yang bersifat literal yang membawa maksud inovatif, kreatif, idea baharu, kesenian, keindahan dan kecantikan. Objektif pemikiran ini adalah untuk memahami kepentingan pemikiran dan tempatnya dalam pemikiran manusia. Melalui pemikiran literal, terdapat teknik-teknik untuk mengenali pemikiran kreatif, menambahkan kesedaran tentang cara memperkembangkannya dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara kaedah-kaedah penyelesaian masalah dan membuat sesuatu keputusan. Seseorang juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan. Dalam kaitannya dengan penghasilan sesebuah karya sastra, seseorang pengarang yang mempunyai kemahiran pemikiran literal seharusnya menampilkan teknik penceritaan yang kreatif dan bermutu tinggi. Dalam teknik penulisan, ia merujuk kepada pembinaan plot cerita yang kompleks tetapi mudah untuk diikuti dan difahami oleh pembaca (Mohd Yusof Hasan, 2007:19).

Keempat-empat jenis pemikiran dalam teori ini dapat digambarkan seperti Rajah 1.



Rajah 1: Teori Sistem Pemikiran Bersepadu (SPB4K)

Sumber: Mohd Yusof Hasan, 2007

Pemikiran yang berteraskan keempat-empat pemikiran yang dinyatakan mampu melahirkan pengarang dan karya yang unggul serta sesuai dengan keperluan semasa. Pemikiran kerohanian dilihat pada peristiwa-peristiwa dan perwatakan yang berlatar belakang kehidupan Islam. Pemikiran kebitaraan pula akan dikaitkan dengan perwatakan watak-watak yang berfikir dan bertindak secara bitara dalam menghadapi sesuatu persoalan. Pemikiran kesaintifikian adalah berkaitan dengan peristiwa yang benar-benar berlaku dan pemikiran kekreatifan akan melihat kebolehan berfikir secara bijak dan kreatif dalam menyelesaikan sesuatu permasalahan (Mohd Yusof Hasan, 2007:14). Umumnya, teori SPB4K ini mementingkan suatu rumusan yang bersifat holistik dengan menekankan seluruh keupayaan dalaman dan luaran seseorang manusia.

Novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid (2009) mengisahkan tentang perjalanan hidup dan kecekalan anak muda bernama Anuariza dalam meniti kehidupan untuk mencapai cita-citanya. Anuariza merupakan anak angkat kepada Solehah dan Tamrin. Anuariza mempunyai seorang adik angkat, iaitu Azuera. Demi membantu keluarganya, Anuariza tidak pernah mempunyai masa untuk bermain-main seperti remaja lain. Dia lebih suka menghabiskan masa mengutip buah kelubi dan melakukan kerja-kerja lain untuk mencari rezeki bagi membantu ibunya menampung kehidupan mereka anak-beranak. Akhirnya, Anuariza berjaya dalam kehidupan meskipun mengalami pelbagai rintangan.

SOROTAN LITERATUR

Terdapat beberapa kajian yang telah dilakukan oleh penyelidik dalam mengkaji aspek pemikiran yang cuba diketengahkan oleh pengarang dalam karya. Contohnya, di peringkat Doktor Falsafah, kajian dilakukan oleh Hashim Ismail yang bertajuk “Pemikiran Kaum Muda dalam Novel-Novel Sebelum Perang Dunia Kedua.” Tesis ini disempurnakan pada tahun 2003 di Universiti Malaya. Dalam kajian ini, Hashim Ismail memperkatakan tentang pemikiran kaum muda yang didukung oleh Syed Sheikh Al-Hadi. Kajian ini juga berasaskan hipotesis bahawa terdapat satu gerakan penulis yang tidak diorganisasikan tetapi mempunyai pengaruh yang besar dalam dunia penulisan novel Melayu sekitar zaman Perang Dunia Kedua. Kajian ini menggunakan pendekatan hermenutik.

Kajian lain dijalankan oleh Koh Young Hun tentang “Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-Novel Mutakhirnya.” Tesis Doktor Falsafah ini telah disiapkan pada tahun 1993 di Universiti Malaya. Dalam kajian ini, Koh Young Hun memperlihatkan pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam *Tetralogi Bumi Manusia* yang mengambil bentuk novel sejarah untuk memaparkan pemikiran pengarang berdasarkan kepada fakta-fakta sejarah zaman lampau negaranya.

Shahnon Ahmad mengkaji “Pemikiran Dalam Novel Juara” dalam kertas kerja yang dimuatkan dalam buku *Novel-Novel Malaysia dalam Kritikan* yang diselenggarakan oleh Hamzah Hamdani pada tahun 1993. Shahnon Ahmad memperkatakan pemikiran tentang akhlak. Kajian menjurus kepada kerosakan akhlak segelintir manusia kerana sanggup melakukan apa sahaja demi mencapai kemenangan sama ada dalam pilihan raya atau laga lembu. Segala tenaga dan semua jenis benda termasuklah pengabaian keluarga dicurahkan bagi menjamin kemenangan.

Kajian yang dilakukan oleh Ani Omar yang bertajuk “Kritikan Novel *Cinta Madinah* Karya Abu Hassan Morad” menggunakan perspektif Teori SPB4L/4K. Kertas kerja ini dibentangkan dalam Seminar Sasterawan Felda pada bulan Mac 2010 di Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim. *Cinta Madinah* (Abu Hassan Morad, 2004) menceritakan tentang pemikiran pengarang yang membawa erti sebenar cinta manusia kepada Junjungan Besar Nabi Muhammad S.A.W. terutama kepada mereka yang pernah menziarahi makam baginda di Madinah Al-Mukaramah. Konsep ini sesuai dengan teori Sistem Pemikiran Bersepadu 4K (SPB4K), iaitu pemikiran kerohanian, di mana pemikiran yang kudus dan suci murni berkaitan dengan keimanan dan keakuran manusia sebagai hamba Allah S.W.T. dan kepada Nabi Muhammad S.A.W. sebagai pesuruh Allah. Selain pemikiran tentang cinta, novel ini juga padat dengan pemikiran kebitaraan, pemikiran kesaintifikan dan pemikiran kekreatifan.

ANALISIS PEMIKIRAN PENGARANG

Pemikiran Kerohanian

Pemikiran kerohanian merupakan pemikiran yang berunsur keimanan dan keagamaan yang menjadikan manusia, soleh atau solehah. Menurut Mohd Yusof Hassan (2007:34), pemikiran ini berkaitan dengan ketuhanan, keimanan, keagamaan, ketauhidan dan keesaan Tuhan. Selain itu, pemikiran ini juga merupakan pemikiran yang tinggi martabatnya, suci murni dan berhubung kait dengan, keimanan, ketaqwaan, kejiwaan dan keagamaan.

Hubungan Allah S.W.T. dengan manusia merupakan hubungan daripada aspek *Hablumminallah*. Allah S.W.T. sebagai pencipta dan manusia sebagai khalifah dan hambanya di muka bumi ini. Manusia hendaklah mematuhi segala perintah Allah S.W.T. sepertimana yang telah dinyatakan di dalam al-Quran. Dalam ajaran agama Islam, manusia dicipta untuk menghambakan diri kepada Allah S.W.T. atau dengan kata lain, beribadat kepada Allah S.W.T. (Adz-Dzaariyaat QS, 51:56). Contoh ayat yang memberi perintah kepada manusia untuk beribadat adalah dalam surah at-Taubah ayat 71:

Maksudnya: “Dan orang yang beriman, lelaki dan perempuan, seketengahnya menjadi penolong bagi seketengahnya yang lain: mereka menyuruh berbuat baik, melarang daripada berbuat kejahatan; mereka mendirikan solat dan memberi zakat, serta ta’at kepada Allah dan Rasul-Nya. Mereka itu akan diberi rahmat oleh Allah; sesungguhnya Allah Maha Kuasa, lagi Maha Bijaksana.”

Selain itu, terdapat juga hadis yang mewajibkan supaya manusia beribadat. Antaranya ialah Imam Ahmad meriwayatkan, bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

Maksudnya: “Sesiapa yang menjaga solat, nescaya solat itu menjadi cahaya, pembela dan penyelamat di hari kiamat. Manakala mereka yang tidak menjaganya tidak akan mendapat cahaya, pembela dan penyelamat. Bahkan mereka akan diletakan bersama-sama dengan Qarun, Fir’aun, Haman dan Ubay bin Khalaf.”

Berdasarkan kepada ayat tersebut, ia memberi petunjuk bahawa tujuan sebenar manusia diciptakan Allah S.W.T. adalah semata-mata untuk

beribadat kepada-Nya, yakni sentiasa mematuhi ajaran-Nya dan menjauhi larangan-Nya. Namun, setiap amalan dan perbuatan yang dibuat oleh seseorang itu mestilah mempunyai niat yang ikhlas dan melakukannya semata-mata kerana Allah S.W.T.

Menurut Abdul Rahman Mohd Aroff (1999:76) pula, ibadah yang dilakukan dengan ikhlas dan sempurna dapat membentuk peribadi yang mulia dan mendapat pahala daripada Allah S.W.T. Sebagai contoh, sembahyang, jika dilakukan dengan ikhlas dan sempurna, dapat mencegah individu daripada melakukan kemungkaran dan kejahatan. Hal ini bertepatan dengan firman Allah S.W.T. yang bermaksud, “Dan dirikanlah solat (dengan tetap), sesungguhnya solat itu mencegah daripada perbuatan keji dan mungkar” (al-Quran, *Surah al-Ankabut*: ayat 45).

Melalui novel ini, pengkaji mendapati hubungan Tuhan dengan manusia dapat dilihat melalui watak Anuariza dan Syed Mustafa yang patuh kepada agama. Sewaktu Anuariza dan Syed Mustafa hendak balik dari mengambil buah asam kelubi yang dikutip beberapa hari lepas, Anuariza dan Syed Mustafa berhenti sebentar di tepi paya untuk menunaikan solat Zuhur. Hal ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Di tengah perjalanan, Anuariza mendongak ke langit. Dia membuat ramalan bahawa waktu solat zuhur telah masuk dan menyuarakan hal itu kepada Syed Mustafa. Mereka akan menunaikan solat setelah sampai di tepi paya yang bakal mereka seberangi sekali lagi nanti. Syed Mustafa mengangguk setuju, seraya mengeluh kerana terlupa memakai jam tangan. “Nuar menentukan arah kiblat dengan kompas?” Anuariza mengelangkan seraya senyum. “Orang kampung macam saya manalah ada kompas. Saya membuat agakan dengan menggunakan arah matahari jatuh. Harap-harap Allah menerima solat hamba-Nya.”

Syed Mustafa tersenyum sambil mengangguk. Dia kagum dengan ketabahan Anuariza. Jarang ditemuinya anak muda seperti ini pada zaman moden dan serba canggih ini. Anak muda yang sentiasa mengimbangi antara dunia dan akhirat.

(Jeriji Kasih, hlm. 24)

Selain itu, pengkaji berpendapat sifat tawakal bertepatan dengan teori SPB4K, iaitu berkaitan dengan konsep pemikiran kerohanian. Tawakal

bermaksud berserah kepada Allah S.W.T. atas apa yang berlaku dan akan berlaku. Menurut Imam al-Ghazali (2010), tawakal ialah menyandarkan kepada Allah S.W.T. tatkala menghadapi suatu kepentingan, bersandar kepada-Nya dalam waktu kesukaran, teguh hati tatkala ditimpa bencana disertai jiwa yang tenang dan hati yang tenteram. Selain itu, melalui Surah Ath-Thalaaq ayat 33, ada disentuh hal berkenaan sifat tawakal, “Dan, barangsiapa yang bertawakal kepada Allah, niscaya Allah akan mencukupkan (keperluan)nya.”

Selain itu, terdapat juga hadis yang menyentuh tentang sikap tawakal. Antaranya ialah dari Umar bin Al-Khatab r.a. meriwayatkan, bahawa Rasulullah S.A.W. pernah bersabda:

“Andaikan kalian bertawakal kepada Allah dengan sebenar-benarnya tawakal, niscaya Dia kan menganugerahkan rezki kepada kalian sebagaimana Dia menganugerahkan rezki kepada burung, yang pergi pada pagi hari dalam keadaan lapar, lalu kembali pada sore hari dalam keadaan kenyang.”

Sifat tawakal ini digambarkan oleh pengarang dalam diri Anuariza. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan Anuariza yang menyatakan bahawa dia pernah bertemu dengan Pak Belang (harimau) apabila ditanya oleh Syed Mustafa tentang kehadiran binatang buas di dalam hutan. Dengan keyakinan terhadap kekuasaan Allah S.W.T., pandangan harimau telah ditutup daripada melihat Anuariza ketika berada di dalam hutan setelah dia membaca ayat Kursi dan surah al-Ikhlâs. Anuariza juga menyatakan Allah S.W.T. sentiasa bersama-sama orang yang benar dan menyukai hamba-Nya yang meminta daripada-Nya, dan bukan daripada makhluk yang Allah S.W.T. jadikan. Selain itu, gambaran yang menunjukkan Anuariza patuh pada agama dapat dilihat melalui perlakuan Anuariza yang melaungkan azan pada waktu Maghrib dan Subuh. Pada waktu Maghrib dan Subuh, Syed Mustafa mendengar laungan azan yang begitu lunak dari masjid kampung. Anuariza juga telah diberi kepercayaan untuk berselawat ke atas Nabi Muhammad S.A.W. sewaktu majlis kesyukuran di rumahnya. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan ini.

Saya pernah terserempak Pak Belang, tapi alhamdulillah, dengan membaca ayat Kursi dan surah al-Ikhlâs, Allah menutup pandangan pahlawan rimba itu.” Dia tersenyum merendah diri. “Awak yakin?”

“Allah sentiasa bersama-sama orang yang benar dan menyukai hamba-Nya yang meminta dari-Nya, tidak daripada makhluk yang lain.” Syed Mustafa senyum dan berpuas hati dengan penerangan Anuariza. Dia mengakui ketinggian ilmu agama anak muda itu. Maghrib dan subuh tadi. Dia mendengar laungan azan yang begitu lunak dari masjid kampung. Ibunya mengatakan Anuariza yang melaungkan azan apabila masuk waktu solat. Sewaktu kenduri kesyukuran di rumahnya malam semalam juga, Anuariza turut diberi kepercayaan berselawat ke atas Nabi Muhamaad S.A.W. selepas imam kampung itu memulakannya.

(Jeriji Kasih, hlm. 27)

Seseorang yang mempunyai ilmu agama mampu menjawab segala persoalan yang dikemukakan kepadanya dan dengan ilmu yang ada, seseorang itu dapat membezakan perkara yang betul atau perkara yang salah. Pengkaji mendapati Anuariza memiliki ilmu agama yang agak tinggi. Hal ini terbukti apabila Anuariza ditanya oleh Syed Mustafa mengenai ajaran sesat. Dengan pengetahuan yang ada pada Anuariza tentang agama, Anuariza menjawab pertanyaan Syed Mustafa. Anuariza menyatakan dia percaya kepada Allah S.W.T., al-Quran, nabi dan rasul serta kalimah syahadah dan dia tidak mempercayai sebarang ajaran sesat. Anuariza juga menyatakan selagi dia waras, dia tahu membezakan yang lurus dengan yang rencong.

Terdapat banyak pemikiran yang ditinjau dan dianalisis melalui peristiwa yang berlaku dalam novel melibatkan aspek pemikiran kerohanian. Selain itu, ia dapat diungkapkan melalui perilaku watak-watak yang terdapat dalam novel ini. Contohnya, Anuariza yang menghadapi pelbagai cabaran dan dugaan dalam menempuh kehidupan yang miskin dan penuh liku digambarkan tidak melupakan nilai keimanan, keluhuran sikap dan pemikiran untuk berjaya mengubah kehidupannya.

Pemikiran kerohanian juga melibatkan nilai kasih sayang. Kasih sayang merupakan suatu perasaan yang lahir secara semula jadi dalam diri setiap manusia. Menurut *Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan* (1995:800), definisi kasih sayang ialah cinta, kasih, belas kasihan, kasih mesra, perasaan kasih, perasaan cinta dan sayang, mohabbat, hubah, percintaan dan pertemuan dengan hati. Perasaan kasih sayang amat penting bagi membina hubungan yang bahagia dalam sesebuah keluarga mahupun masyarakat. Selain itu, kasih sayang merupakan perasaan cinta dan kasih sayang yang

mana merupakan jambatan untuk menegakkan keluarga yang harmoni dan bahagia. Melalui keluarga bahagia, akan wujudnya masyarakat yang kuat, mulia dan saling bertanggungjawab.

Nilai kasih sayang dapat dilihat melalui watak Solehah. Walaupun Anuariza hanya anak angkat, tetapi Solehah tetap memberikan kasih sayang yang secukupnya kepada Anuariza sehingga membuatkan Anuariza terasa bahagia bersama Solehah. Hal ini dapat dibuktikan melalui petikan di bawah.

Dalam jerih payah menanggung derita dan rindu berpanjangan, dia tetap bahagia di sisi Solehah. Wanita yang kaya kasih dan sayang. Mereka mungkin kekurangan malah dhaif di mata masyarakat berada dan 'sempurna', tetapi kebahagiaan dan limpah kasih sayang, sering membuatnya tersenyum.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 2)

Nilai kasih sayang dapat juga dilihat melalui watak Azuera, iaitu adik kepada Anuariza. Azuera sangat kasih dan sayang kepada Anuariza dan takut jika berlaku sesuatu yang tidak diinginkan apabila Anuariza masuk ke hutan. Anuariza merupakan satu-satunya tempat mereka bergantung setelah kematian ayah. Contoh petikan ialah:

"Usahla pergi, bang." Azuera terus merayu. 'Direnung tajam'. Sinar jernih itu tampak berkilau kerana air matanya mula merenik-renik halus.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 4)

Pengarang telah menerapkan nilai kasih sayang sesama manusia tanpa mengira darjat dan harta melalui watak dan perwatakan yang terdapat dalam novel ini. Hal ini bertepatan dengan Teori SPB4K yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan tentang pemikiran kerohanian.

Pemikiran Kebitaraan

Menurut Mohd Yusof Hasan (2001:30–31), pemikiran kebitaraan merupakan satu ilmu pengetahuan tentang kehebatan akal manusia. Pemikiran ini juga membantu kita untuk menjadi sarjana kerana pemikiran ini merupakan pemikiran kecemerlangan. Pemikiran kebitaraan ini sebenarnya khusus

untuk satu peringkat awal kejadian manusia, iaitu daripada kandungan rahim hingga kepada umur kanak-kanak. Hal yang sangat penting dalam pemikiran jenis ini ialah aspek-aspek kebijaksanaan dalam diri individu. Howard Gardner (1983) yang menganjurkan konsep *Multiple Intelligence* (MI), atau kepelbagaian kebijaksanaan, melihat kebijaksanaan manusia daripada berbagai-bagai perspektif budaya, bahasa dan pemikiran tamadun manusia. Melalui beberapa contoh tokoh seperti Einstein, Woolf, Graham, Gandhi, Picasso, Freud dan Stravinsky, Gardner mengambil keputusan bahawa mereka itu semua berfikir untuk menyelesaikan masalah dan mencipta alat-alat dalam media yang berbeza.

Kajian terhadap novel *Jeriji Kasih* mendapati terdapat aspek pemikiran kebitaraan yang digunakan oleh pengarang dalam karya ini. Pemikiran kebitaraan merupakan pemikiran yang berkaitan dengan perkembangan otak manusia yang membawa kepada kemahiran kecemerlangan, kebilangan, kebestarian dan kepandaian. Hal ini sangat penting dalam pembangunan minda individu kerana pemikiran ini mementingkan kebijaksanaan. Kebijaksanaan watak-watak dalam novel ini sangat terserlah dan boleh membantu khalayak pembaca untuk melakukan kebijaksanaan yang serupa.

Melalui pemikiran kebitaraan yang diperkenalkan oleh Mohd Yusof Hasan (2001) dalam teori SPB4K, ia selari dengan konsep *Multiple Intelligence* yang menyentuh kebolehan interpersonal yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983). Kebolehan interpersonal ini merujuk kepada hubungan individu dengan individu yang lain dan mampu bermesra dengan orang lain dengan bijak. Kebijaksanaan ini dapat dilihat melalui pemikiran Anuariza yang bijak menangani masalah yang dihadapi oleh Syed Fariz, walaupun usia Anuariza masih muda. Bagi Anuariza, kekerasan bukanlah jalan terbaik bagi menangani masalah yang dilakukan oleh Syed Fariz. Sebaliknya jalan terbaik adalah dengan memberikan kasih sayang dan perhatian yang secukupnya kepada Syed Fariz. Anuariza bertindak merapatkan dirinya dengan Syed Fariz dengan cara berbual-bual dan tidak memarahi Syed Fariz atas perkara yang telah dilakukan Syed Fariz. Anuariza hanya memberikan nasihat dan teguran kepada Syed Fariz. Dengan cara ini, Anuariza dapat mengetahui isi hati dan masalah yang dihadapi oleh Syed Fariz. Keadaan ini dapat dilihat melalui petikan berikut.

Hari pertama dia ke situ sebagai guru tuisyen, Syed Fariz langsung tidak mahu turut belajar. Nampaknya memang benar anak bongsu Syed Mustafa itu tidak berminat dengan pelajarannya. Anuariza melarang Syed Mustafa menggunakan kekerasan kerana katanya, itu akan lebih menyukarkan mereka mendekatinya. Anuariza meminta kebenaran Syed Mustafa untuk berbual di dalam bilik Syed Fariz.

“Abang datang ke sini untuk menemani Fariz, Abang tahu, kita tidak boleh hidup bersendirian. Kita perlukan kawan dan teman untuk berbual dan mendengar masalah kita. Kalau tidak keberatan, cuba beritahu abang apa sebenarnya yang Syed Fariz mahukan dalam hidup ini?”

(Jeriji Kasih, hlm. 30–31)

Selain itu, melalui pemikiran kebitaraan yang dikemukakan oleh Mohd Yusof Hasan dalam teori SPB4K, ia mempunyai hubungan dengan konsep *Multiple Intelligence* yang menyentuh kebolehan berbahasa atau kemahiran linguistik yang dikemukakan oleh Howard Gardner (1983). Pengkaji berpendapat bahawa watak Anuariza adalah watak yang bijak dan mempunyai kebolehan linguistik atau berbahasa ketika menyampaikan maklumat secara kreatif dan saintifik berdasarkan kepada ilmu pengetahuan yang sedia ada. Hal ini dapat dilihat apabila Anuariza dapat menjawab sebarang pertanyaan dan kemusykilan yang diajukan kepadanya. Keadaan ini dapat dilihat melalui petikan di bawah.

“Apa pendapat Nuar berkenaan ajaran sesat di negara kita sejak kebelakangan ini?” Anuariza diam seketika. Dia seakan-akan terperanjat apabila persoalan itu yang mahu ditanyakan Syed Mustafa padanya. “Saya tidak begitu arif tentang agama dan agak jahil berkenaan akidah dan tasawuf.” Anuariza terlalu merendahkan diri. Dia kurang selesa bercakap berkenaan agama dengan lelaki dewasa seperti Syed Mustafa yang seusia dengan ayahnya.

“Tapi apa yang saya tahu, kita hanya wajib bertuhankan Allah, percaya pada para nabi dan rasul serta kitab suci al-Quran. Adanya hadis-hadis sahih dan sunah-sunah Rasulullah SAW. Jika kita didatangi orang yang mengakui dialah pesuruh Allah selepas wafatnya Nabi Muhamad SAW bermakna sahlah dia pendusta.”

(Jeriji Kasih, hlm. 28–29)

Pemikiran Kesaintifikan

Pemikiran kesaintifikan ini ialah sesuatu yang logik, mempunyai kebenaran, kepastian, ketepatan dan kesahihan. Pemikiran ini juga adalah pemikiran kepastian yang membawa ke arah manusia saintifik. Mengikut Irving M. Copi (1986), pemikiran logik ialah keseluruhan proses yang membawa kepada keputusan melalui penaakulan yang berdasarkan bukti-bukti yang jelas dan konkrit. Selain itu, Hulon Willis (1975) menyatakan bahawa ilmu logik atau pemikiran kesaintifikan merupakan sains penaakulan atau “*The science of reasoning*.” Ilmu logik membantu kita melahirkan pemikiran yang jelas untuk penulisan atau pertuturan yang jelas.

Kajian terhadap novel *Jeriji Kasih* mendapati bahawa terdapat aspek pemikiran kesaintifikan yang digunakan oleh pengarang dalam karya ini. Hal ini penting dalam pembangunan minda individu kerana pemikiran ini membawa individu untuk berfikir secara saintifik, benar dan logik. Guan *et al.* (2008:21) mengatakan bahawa fungsi utama otak manusia ialah mengawal tingkah laku manusia seperti bertutur dan berjalan. Selain itu, otak juga menerima dan menterjemahkan impuls daripada organ deria serta mengawal kelakuan dan perasaan seseorang manusia. Otak juga bertanggungjawab untuk mengawal aktiviti intelektual seperti berfikir, bertutur, peringatan dan penaakulan.

Melalui kajian yang dilakukan, pengkaji telah menemui beberapa pemikiran saintifik yang telah diketengahkan oleh pengarang dalam novel ini. Pemikiran kesaintifikan ini dapat dilihat melalui penggunaan radio kecil oleh Anuariza untuk menarik perhatian burung uak-uak supaya menghampiri jerat yang telah dipasang. Pemikiran saintifik merujuk kepada penggunaan radio untuk mengeluarkan bunyi yang telah dirakam. Radio merupakan sejenis alat komunikasi yang menggunakan gelombang elektromagnet, atau isyarat-isyarat radio, untuk menghantar maklumat elektronik dari satu tempat ke tempat lain. Unit penghantar dipanggil pemancar (*transmitter*), manakala unit yang menukar isyarat radio ke bunyi yang boleh didengar dipanggil penerima (*receiver*) kemudian dikeluarkan melalui (*speaker*). Perakam dan pengeluaran semula bunyi pula ialah inskripsi dan penciptaan semula elektrik atau mekanik gelombang bunyi yang biasanya digunakan untuk suara atau muzik. Anuariza telah merakam suara burung uak-uak ke dalam kaset dan kemudian memainkan semula rakaman tersebut melalui

radio. Kualiti audio yang dikeluarkan tetap sama dengan bunyi yang dirakamkan. Oleh hal yang demikian, penggunaan radio dan rakaman adalah bertepatan dengan pemikiran saintifik kerana apa yang dihujahkan merupakan fakta, mempunyai ketepatan dan kesahihan. Hal ini juga bertepatan dengan pendirian Mohd Yusof Hasan tentang teori SPB4K yang menyatakan pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran logik, tepat, berdasarkan fakta dan angka, mempunyai hujah, objektif, dalil dan bukti. Pemikiran ini lahir dari hemisfera otak kiri yang bersifat sains, ilmiah, empirikal dan kritikal. Bukti yang menunjukkan Anuariza menggunakan radio untuk menarik perhatian burung uak-uak dapat dilihat melalui petikan di bawah.

Anuariza sudah meletakkan jerat, berberapa meter dari tempat Syed Mustafa duduk. Dari situ, dia melihat ketelitian anak muda itu meletak umpan, membunyikan radio kecil yang mengeluarkan bunyi rakaman suara burung uak-uak memanggil kawan-kawan.

Setelah berpuas hati dengan kerjanya, dia meninggalkan jerat dan radio kecil di situ. Dia mengambil tempat di sebelah Syed Mustafa, di atas sebatang pokok tumbang di sebalik pokok rendah yang rendah. Syed Mustafa faham mengapa tempat itu dipilih untuk mereka duduk menunggu. Tempat yang agak tersembunyi itu akan menggalakkan burung uak-uak mendekati jerat untuk mendapatkan umpan.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 153)

Selain itu, pemikiran kesaintifikan juga dapat dilihat melalui cara dan kaedah yang digunakan oleh Anuariza untuk menjaga pokok anggur yang ditanamnya. Pokok anggur tersebut diperolehi daripada pihak Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI). Pengkaji beranggapan bahawa cara penjagaan pokok anggur seperti yang ditunjukkan oleh Anuariza merupakan salah satu pemikiran saintifik. Kaedah atau cara penjagaan pokok anggur yang dinyatakan oleh Anuariza kepada Haji Lokman merupakan fakta, mempunyai kebenaran dan kesahihan yang diiktiraf oleh pihak MARDI. Perkara ini bertepatan dengan teori SPB4K yang menyatakan pemikiran kesaintifikan merupakan pemikiran logik, tepat, berdasarkan fakta dan angka, mempunyai hujah, objektif, dalil dan bukti. Anuariza menanam pokok anggur di dalam pasu bertujuan untuk mengelak akar pokok terendam di dalam air sekiranya berlaku hujan lebat. Saluran yang tidak sempurna akan menyebabkan akar anggur terendam dan menghasilkan buah yang tidak manis. Selain itu, pokok anggur juga memerlukan pancaran cahaya matahari

sekurang-kurangnya enam jam sehari secara terus menerus dan disiram dua kali sehari. Hal ini penting untuk tumbesaran pokok anggur tersebut. Pangkasan pertama perlu dilakukan setelah pokok berusia setahun. Pada enam bulan berikutnya, sekali lagi cantasan perlu dilakukan supaya pokok anggur dapat menghasilkan buah. Cara dan keadah yang dilakukan oleh Anuariza dalam penjagaan pokok anggur bertepatan dengan keadah yang telah dicadangkan oleh pihak MARDI setelah pihak MARDI melakukan kajian saintifik ke atas ketumbesaran pokok anggur. Hal ini juga bertepatan dengan pendapat Roger Sperry (1981) yang menyatakan individu yang menggunakan otak kiri cenderung dan mempunyai kemampuan untuk menganalisis, berfikir secara sistematik, memahami hal-hal yang kompleks dan memerlukan pemikiran yang mengkhusus. Secara tidak langsung, pengarang telah menggambarkan watak Anuariza sebagai watak yang mempunyai pemikiran kesaintifikan. Pemikiran kesaintifikan ini juga dapat diperhatikan melalui dialog berikut.

“Berapa lama sudah tanaman ni?”

“Hari terakhir saya di kursi STPM. Bermakna, lima bulan.”

“Kalau tidak menggunakan pasu tak boleh? Tanaman terus di atas tanah.”

“Boleh, cuma saya mahu membuat percubaan dahulu, sebelum dikomersilkan. Lagipun dengan menggunakan pasu, akarnya tidak akan terendam sekiranya berlaku hujan lebat.”

“Oh, pokok-pokok anggur ni, tak boleh terendam?”

Anuariza mengangguk. “Saliran yang tidak baik dan air yang bertakung akan menyebabkan buahnya tidak manis. Pokok-pokok ini juga perlukan matahari terus menerus selama sekurang-kurangnya enam jam sehari. Jadi mudalah saya memindahkannya sekiranya kawasan ini teduh.”

Selain disiram dua kali sehari dan matahari terus menerus, apalagi kewajipan ke atasnya?” Haji Lokman bertanya bodoh.

(Jeriji Kasih, hlm.303)

Pemikiran Kekreatifan

Menurut Mohd. Yusof Hasan (2004:43), pemikiran kekreatifan ialah sebuah pemikiran yang tersusun, sistematik dan berdasarkan kepada keadah saintifik. Pemikiran ialah hasil daripada aktiviti otak, akal atau minda. Sainifik pula merupakan satu sistem atau susunan dalam proses pemikiran. Melalui pemikiran ini, terdapat teknik-teknik mengenai pemikiran kreatif. Seseorang dapat menambah kesedaran tentang cara memperkembangkan dan mempergunakan kreativiti dalam diri dengan mempelajari perbezaan penting antara keadah-keadah penyelesaian masalah dan pembuat keputusan. Seseorang individu juga dapat mempelajari satu pendekatan sistematik untuk mencari peluang bagi semua peringkat pengurusan.

Hasil daripada kajian terhadap novel *Jeriji Kasih*, didapati bahawa terdapat aspek pemikiran kreatif yang digunakan oleh pengarang dalam karya ini. Pemikiran kekreatifan ialah sesuatu yang kreatif, inovatif, imaginatif, subjektif dan tersirat yang selalunya dikaitkan dengan penggunaan otak kanan. Pemikiran kekreatifan ditunjukkan melalui perwatakan Anuariza yang digambarkan oleh pengarang sebagai watak yang kreatif. Hal ini dapat dilihat melalui bakat dan kemahiran Anuariza dalam bidang lukisan dan cenderung menggunakan otak kanan. Lukisan bukan sahaja merupakan gambaran atau imej yang hendak dilakar oleh seseorang individu, malah bertujuan untuk mengkaji struktur bentuk subjek atau imej yang dilukis secara teliti. Kemahiran yang ada dalam diri Anuariza dalam bidang lukisan menggambarkan watak Anuariza sebagai seorang yang kreatif kerana mampu menggabungkan imej sesebuah objek atau pemandangan dengan emosi. Anuariza mengaitkan pengalaman suka duka hidupnya dengan lukisan sehingga menjadikan lukisannya menarik dan cantik. Hasil kerja tangan Anuariza dalam bidang lukisan ini bukan sahaja di atas kanvas, malah seni lukisan Anuariza dapat dilihat pada dinding sekolah dan juga di dalam bilik Syarifah Farisyah. Kehebatan Anuariza dalam bidang lukisan ini dibuktikan melalui ingatan Syarifah Farisyah kepada Anuariza yang gemar melukis sewaktu berbual-bual dengan Haji Lokman. Syarifah Farisyah juga menyatakan lukisan Anuariza seolah-olah hidup dan mesej yang hendak disampaikan mudah difahami. Hal ini terdapat pada petikan berikut.

“Syarifah Farisyah mengangguk. Dia terkenangkan Anuariza yang juga gemar melukis. Walaupun melukis dengan tangan kiri, namun

lakarannya tampak hidup dan mesej yang ingin disampaikan, mudah difahami.”

(Jeriji Kasih, hlm. 206)

Selain itu, pengkaji mendapati bahawa pemikiran kekreatifan bukan sahaja terdapat pada watak-watak yang dilakarkan oleh pengarang. Pemikiran kekreatifan juga terletak pada diri pengarang sendiri semasa melahirkan karya ini. Hal ini dapat dilihat daripada aspek kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan cerita. Gaya bahasa memainkan peranan penting dalam penghasilan sesebuah karya sastera. Oleh hal yang demikian, aspek gaya bahasa menepati pemikiran kekreatifan dan merupakan suatu perkara yang sangat dititikberatkan oleh seseorang pengarang. Kepentingan gaya bahasa adalah untuk mengindahkan lagi sesebuah karya serta menjamin agar pembaca lebih memahami karya tersebut. Terdapat pelbagai jenis gaya bahasa yang digunakan oleh penulis dalam menghasilkan sesebuah karya kreatif. Dalam novel *Jeriji Kasih*, Ramlah Abdul Rashid menerapkan penggunaan gaya bahasa yang sesuai dan mudah difahami golongan pelajar. Pemilihan kata atau diksi, penggunaan ayat dan gaya bahasa sesuai dengan situasi yang digambarkan dalam karya Ramlah Abdul Rashid.

Contoh gaya bahasa yang terdapat dalam karya ini yang menunjukkan pemikiran kekreatifan pengarang ialah gaya bahasa personifikasi. Menurut Nik Hassan Basri (2007:35), gaya bahasa personifikasi merupakan gaya bahasa perbandingan, iaitu penginsanan atau pemberian ciri-ciri peribadi orang atau sifat-sifat manusia kepada sesuatu benda, binatang, tumbuh-tumbuhan, keadaan atau idea yang abstrak. Gaya bahasa jenis ini dapat dilihat melalui pemberian sifat manusia, iaitu “*senyum*” pada “*matahari*” dan perbuatan “*berbisik*” pada “*angin*” yang bertiep. Hal ini dapat dilihat pada petikan berikut.

Meskipun matahari senyum mengintai, namun kehadirannya belum bersedia mengirim bahang.

Angin berhembus tenang berbisik segar dan indah, mesra dan sentosa.

(Jeriji Kasih, hlm.1)

Selain itu, pengarang juga menggunakan gaya bahasa hiperbola dalam novel *Jeriji kasih*. Menurut Nik Hassan Basri (2007: 36), gaya

bahasa hiperbola merupakan salah satu daripada kelompok gaya bahasa pertentangan. Gaya bahasa hiperbola ini juga mengandungi kenyataan secara berlebih-lebihan atau secara melampau. Pengarang menggunakan gaya bahasa jenis ini kerana pengarang merasa perlu melebih-lebihkan hal yang dibandingkan itu bagi mendapatkan perhatian yang lebih saksama daripada pembaca. Pengarang ingin menyatakan masalah yang dihadapi oleh Anuariza dengan cara berlebih-lebihan bagi menggambarkan kehidupan Anuariza yang penuh dengan rintangan dan cabaran pada zaman remajanya. Keadaan ini dapat dilihat melalui contoh di bawah.

*Walaupun **segunung rasa bertonggak**, mencatat kerianghan hidup zaman remajanya, namun dia bersyukur dengan kehidupannya.*

(Jeriji Kasih, 2009:1–2)

Selain itu, gaya bahasa anafora juga digunakan oleh pengarang. Gaya bahasa anafora adalah perulangan pada awal baris. Menurut Nik Hassan Basri (2007:37), gaya bahasa anafora ialah pengulangan perkataan pertama pada setiap baris atau pada setiap ayat yang biasanya secara berurutan supaya memperoleh kesan tertentu. Pengarang mengulang perkataan “yang” dan “ditanya” dalam ayat. Contoh perulangan anafora “yang” dan “ditanya” adalah seperti yang berikut:

***Yang** di sini sudah habis ditebang untuk umbutnya. **Yang** tinggal hanya beberapa batang anak kabung yang belum matang.”*

(Jeriji Kasih, hlm. 25)

***Ditanya** mata sama ada mengantuk atau tidak, jawapannya tidak. **Ditanya** hati sama ada mahu berehat atau tidak, jawapan yang sama diperoleh.*

(Jeriji Kasih, hlm. 35)

Pengarang juga menggunakan gaya bahasa jenis metafora. Perkataan metafora berasal daripada bahasa Yunani. Metafora merujuk kepada gabungan dua kata, iaitu “meta,” bermaksud memindahkan dan “pherein,” bermakna membawa. Perkataan ini biasanya mengandungi satu kata konkrit dan satu kata abstrak dan ia bukan membandingkan sesuatu secara terus (Nik Hassan Basri, 2007:38). Pengarang membandingkan penantian Syarifah Farisya dan Syed Fariz terhadap Syed Mustafa dengan perkataan “*meja penantian.*”

Selain itu, pengarang juga membandingkan perasaan kasih yang terhalang dengan perkataan “*Jeriji Kasih*.” Pengarang membandingkan perasaan rindu Syarifah Farisyah dan mengharapkan arwah ibunya dikembalikan dengan perkataan “*gapura impian*” dan membandingkan cita-cita Anuariza untuk membina taman fantasi dengan perkataan “*taman fantasi*.” Penggunaan gaya bahasa metafora ini dapat dilihat dalam ayat yang berikut:

Syarifah Farisyah dan Syed Fariz terus membina tugu harapan, menjadi penunggu setia walaupun mereka tahu kepalsuan terhidang di meja penantian.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 100)

Gapura impian itu sering terbayang lalu membentuk jeriji kasih yang memisahkannya daripada perasaan gembira dan bahagia.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 125)

Haji ada kewangan yang cukup. Ha apa lagi? Kita satukan semuanya. Bentuk taman imaginasi Nuar menjadi ladang perlancongan terunggul.”

(*Jeriji Kasih*, hlm. 306)

Selain itu, terdapat juga gaya bahasa simile yang digunakan oleh pengarang dalam novel *Jeriji Kasih*. Gaya bahasa simile merupakan perbandingan terus, iaitu membandingkan dua hal yang pada hakikatnya berlainan tetapi dengan sengaja dianggap sama. Perumpamaan ini secara jelas mengungkapkan sesuatu perbandingan atau persamaan dengan menggunakan kata *seperti*, *bagai*, *laksana*, *umpama*, *ibarat*, *bak* dan sebagainya. Melalui novel ini, pengarang menyatakan dan membandingkan kesihatan Anuariza pada hari Anuariza ingin mengambil buah asam kelubi dengan kesihatan Anuariza pada hari Anuariza bercakap dengan Nek Siah. Selain itu, pengarang juga membandingkan perbuatan menggaulkan minyak buah ketiau dengan nasi, sama seperti menggaul marjerin dengan nasi. Penggunaan gaya bahasa ini dapat dilihat melalui petikan berikut.

Saya sihat, nek. Demam-demam seperti semalam, perkara biasa. Dia memandang Nek Siah yang sudah duduk di kerusi berhampirannya.

(*Jeriji Kasih*, hlm. 7)

“Buah ketiauw, mengeluarkan minyak yang wangi baunya. Digaul dengan nasi *macam* makan nasi marjerin, campur dalam kuih bingka pun sedap juga, selain dibuat minyak masak.”

(*Jeriji Kasih*, hlm. 14–15)

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid mempunyai empat aspek pemikiran yang terdapat dalam teori SPB4K. Dengan adanya keseimbangan pemikiran seperti pemikiran kerohanian, pemikiran kebitaraan, pemikiraan kesaintifikan dan juga pemikiran kekreatifan yang bertimbal balik dalam novel ini, maka novel ini dianggap baik. Empat aspek pemikiran ini bukan sahaja dapat dilihat melalui watak-watak yang terdapat dalam novel ini, malahan pemikiran ini juga dilihat pada diri pengarang sendiri. Pemikiran pengarang disalurkan kepada watak utama dalam novel, iaitu Anuariza yang mempunyai keempat-empat jenis aspek pemikiran dan saling bertimbal balik sehingga menjadikan watak Anuariza sebagai watak yang hebat. Selain itu, penerapan empat aspek pemikiran ini juga dapat dilihat melalui peranan pengarang mengolah karyanya supaya lebih bermutu dan menarik. Hal ini dapat dilihat dari segi pemikiran pengarang, teknik kepengarangan atau aspek gaya bahasa yang digunakan oleh pengarang untuk menghidupkan cerita. Oleh itu, novel *Jeriji Kasih* karya Ramlah Abdul Rashid sesuai digunakan untuk bahan pengajaran dan pembelajaran di sekolah untuk dijadikan Novel Kesusasteraan Melayu Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM).

RUJUKAN

- Abdul Rahman Mohd Aroff . 1999. *Pendidikan Moral. Teori Etika dan Amalan Moral*. Selangor: Universiti Putra Malaysia.
- Abu Hassan Morad. 2004. *Edisi Khas Trilogi Natasya, Julia & Cinta Madinah*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ani Omar. 2008. Kritikan Novel Cinta Madinah karya Abu Hassan Morad. Kertas kerja Seminar Kesusasteraan Melayu, Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak, pada 14 dan 15 Januari.
- B.H. Guan, Choo Kok Yew dan Tan Kee Yean. 2008. *1001 Series: The Exam Companion Science*. Selangor: Pustaka Sistem Pelajaran Sdn Bhd.
- Copi, Irving M. 1986. *Introduction to Logic*. London: Macmillan.

- Gardner Howard. 1983. *Frames of Mind: The Theory of Multiple Intelligences*. London: Heinemann.
- Hashim Ismail. 2003. Pemikiran kaum muda di dalam novel-novel Melayu sebelum Perang Dunia Kedua. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Imam Al-Ghazali. 2010. *Nilai-nilai Islam: Satu pengenalan*. Kuala Lumpur: Bahagian Hal Ehwal Islam, Jabatan Perdana Menteri.
- Kamus Besar Bahasa Melayu Utusan*. 1995. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributions.
- Koh Young Hun. 1993. Pemikiran Pramoedya Ananta Toer dalam Novel-novel Mutakhirnya. Tesis Doktor Falsafah, Universiti Malaya.
- Mohd Yusof Hasan. 2001. *Sistem Pemikiran Bersepadu 4L*. Kuala Lumpur: Penerbit Fajar Bakti.
- Mohd Yusof Hassan. 2007. *Teori Pendidikan: Pemikiran Global*. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Mohd. Yusof Hasan. 2004. *Pembinaan Paradigma Pemikiran Peradapan Melayu*. Tanjung Malim: Penerbitan Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Nik Hassan Basri Nik Ab. Kadir. 2007. *Komsas dan Tatabahasa Melayu Teras Pegangan Guru*. Kuala Lumpur: Icon Region Sdn Bhd.
- Ramlah Abdul Rashid. 2009. *Jeriji Kasih*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Roger Sperry. 1981. *The art of thinking: A guide to critical and creative thought*. United States: Pearson Education Inc.
- Shahnon Ahmad. 1979. *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- . 1993. “Pemikiran Dalam Novel Juara”. Kertas kerja yang dimuatkan dalam buku *Novel-Novel Malaysia dalam Kritikan* yang diselenggarakan oleh Hamzah Hamdani. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Willis, Hulon. 1975. *Logic, Language and Composition*. Cambridge: Winthrop Publisher.